



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(58)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 20.09.2017

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 3/2017**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PENGAWAS HUTAN GRED G19**
- (b) **PENEMPATAN: BAHAGIAN BIOTEKNOLOGI PERHUTANAN**
- (c) **TARAF  
JAWATAN : TETAP / KONTRAK**
- (d) **JADUAL GAJI : RM 1,357.00 (Minimum) – RM 4,008.00 (Maksimum)**
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 100.00**
- (f) **IMBUHAN**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED G19**
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan Perhutanan Sarawak.atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau Institut Latihan Perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80); dan

**(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G19 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(j) SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(h) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Oktober 2017 (Jumaat)**

**CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.